



TERMA & SYARAT BANTUAN KHAIRAT KEMATIAN COVID-19 DI BAWAH PAKEJ KITA SELANGOR 2.0

1. Syarat-syarat

- a) Warganegara Malaysia
- b) Pemohon (waris terdekat) dan juga yang meninggal dunia (si mati) merupakan anak kelahiran Negeri Selangor dan menetap di Negeri Selangor **ATAU** bermastautin di Negeri Selangor melebihi 10 tahun
- c) Disahkan meninggal dunia berpunca daripada Covid-19 oleh hospital/klinik kesihatan kerajaan atau pusat perubatan berdaftar dan dinyatakan secara jelas dalam surat kematian
- d) Meninggal dunia di negeri Selangor
- e) Meninggal dunia pada tahun 2021 dan ke atas sahaja
- f) Terhad hanya kepada **1 permohonan** bagi **1 keluarga sahaja**
- g) Bantuan ini terhad kepada **2,500 orang** penerima **sahaja**

2. Cara Memohon

- a) Permohonan hendaklah dilaksanakan secara atas talian (*online*) di www.selangorprihatin.com bermula **12 Julai 2021**.
- b) Waris melengkapkan borang permohonan secara atas talian.
- c) Waris memuat naik dokumen sokongan yang diperlukan.

3. Perakuan Waris

- a) Waris hendaklah memastikan segala keterangan dan dokumen yang dikemukakan adalah benar, sahih dan tepat. Pihak Kerajaan Negeri berhak membatalkan permohonan sekiranya didapati maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah tidak benar atau melanggar syarat permohonan.

4. Tempoh Permohonan/ Penyaluran

- a) Permohonan dibuka mulai **12 Julai 2021** sehingga **31 Disember 2021** ATAU tertakluk sehingga **jumlah peruntukan habis**.
- b) Penyaluran insentif RM1,000 akan dikreditkan terus ke akaun bank waris dalam tempoh **14 hari bekerja** dari **tarikh kelulusan permohonan** sekiranya **maklumat lengkap**.

5. Pertanyaan

- a) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan bermula 12 Julai 2021 di talian 1-800-22-6600 (24 jam)

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **Soalan:** Si mati dilahirkan di luar Selangor dan telah bermastautin lebih daripada 10 tahun di Selangor. Adakah layak memohon?

Jawapan: Layak. Si mati telah bermastautin melebihi 10 tahun di Selangor.

2. **Soalan:** Si mati dilahirkan di Selangor namun bermastautin di luar negeri Selangor. Adakah layak memohon?

Jawapan: Tidak layak. Si mati hendaklah menetap di Selangor sahaja.

3. **Soalan:** Si mati telah meninggal dunia berpunca daripada Covid-19 pada tahun 2020. Adakah waris terdekat masih boleh memohon bantuan khairat kematian ini?

Jawapan: Tidak layak. Hanya yang meninggal dunia bermula pada tahun 2021 sahaja yang layak untuk memohon bantuan khairat kematian ini.

4. **Soalan:** Si mati telah disahkan meninggal dunia akibat komplikasi penyakit lain disamping turut disahkan positif Covid-19. Adakah waris terdekat layak memohon bagi pihak si mati?

Jawapan: Tidak layak. Hanya si mati yang meninggal dunia disebabkan Covid-19 sahaja dan ditulis sebab kematian sebagai Covid-19 di sijil kematian layak menerima bantuan ini.

5. **Soalan:** Apakah pertalian yang boleh dikategorikan sebagai waris terdekat?

Jawapan: Tiada takrifan khusus bagi waris terdekat di dalam permohonan ini namun yang demikian, Kerajaan Negeri mengutamakan waris terdekat seperti berikut:

Sekiranya berkahwin	: suami atau isteri si mati
Sekiranya belum berkahwin	: ibu atau bapa si mati atau adik beradik sekiranya ibu/bapa uzur
Ibu/bapa tunggal	: ibu atau bapa si mati atau anak berusia 18 tahun ke atas dan mempunyai akaun bank.

6. **Soalan:** Si mati merupakan penerima bantuan Program Kerajaan Negeri seperti Skim Insurans Peduli Sihat (SIPS) dan Skim Mesra Usia Emas (SMUE). Adakah waris terdekat layak memohon bagi pihak si mati?

Jawapan: Penerima bantuan Skim Insurans Peduli Sihat (SIPS) **tidak layak** memohon bantuan ini. Penerima bantuan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) layak memohon bagi bantuan ini.

7. **Soalan:** Si mati merupakan penjawat awam Negeri Selangor dan turut menerima manfaat Skim Peduli Sihat Penjawat Awam (PSPA). Adakah waris terdekat layak memohon bagi pihak si mati?

Jawapan: Tidak layak. Penerima manfaat PSPA tidak layak memohon bagi bantuan ini.

8. **Soalan:** Bagaimana boleh saya ajukan sebarang pertanyaan?

Jawapan: Pertanyaan boleh dikemukakan bermula 12 Julai 2021 dengan menghubungi talian 1-800-22-6600 (24 jam).